

KUMPULAN PUISI



Rayuan Pada Malam

LUTFAN JAES



Penerbit
UTHM

.2313
UT



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

17/9/2020.

Rayuan Pada Malam






Rayuan Pada Malam



PUSTAKA PERDANA



1012719


**Penerbit
UTHIM**
2020

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2020

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Lutfan Jaes

KUMPULAN PUISI : Rayuan Pada Malam / LUTFAN JAES.

ISBN 978-967-2389-81-1

1. Malay poetry.
2. Poetry.
3. Government publications--Malaysia.

I. Judul.

899.2313

Diterbitkan oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698 / 8529
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>

E-mel: pt@uthm.edu.my
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
(MAPIM)

Dicetak oleh:
PERCETAKAN IMPIAN SDN BHD
No. 67 Jalan Bukit 9
Kawasan Perindustrian MIEL
Bandar Baru Seri Alam,
81750 Masai, Johor Bahru

KANDUNGAN

<i>Kata Pengantar</i>	<i>ix</i>
<i>Prolog</i>	<i>xi</i>
<i>Catatan Komentor</i>	<i>xv</i>

GUNDAH GULANA

Trauma Melampau!! (Bila Hati {ku} Telah Hitam)	2
Cakap Tak Serupa Bikin	3
Hubaya!! Hubaya!!	4
Adat Dunia	5
Angan-Angan	6
Terperangkap	7
Bungkam	8
Si Pemegang Wacana Tuhan	9
T.U.H.A.N.T.U	10
Jerebu	11
Hambar	12
Bingung Lagi	13
Dia, Kamu dan Kita	14
Agama Mu & Budaya Ku (Kita Saling Menolak)	15
Biar Gambar Berbicara	16
Si Tokek	17
Aduhai....Realiti	18
Nombor @ Angka	19
Yang Bagaimana?	20
Aku Semakin.....ahhhhh!	21

RAMPAIAN SAJAK

Harapan / Impian	24
Birokrasi / Pengecut	25
Lelah / Secawan Teh Halia	26
Untuk Apa? / Ulang Lagi.....	27
Sembang / Rumah Idaman	28
Sembunyi / Tahajud Konon!	29
Dulu dan Kini / Sesat dalam Cahaya	30
E.G.O / Arang	31
Bungkam II / Botol Sampah	32
Perangkap Ujub / Berdikari	33
Tertipu / Sendiri Lagi	34
Sejak Dulu / Capati	35
Telur / Alat Muzik	36
Mawar / Wajar kah? /	37
Tanggung Agama I / Tanggung Agama II	38
Tanggung Agama III / Hujan Resah	39
Dinding Klinik (Sejahtera) / Harapan Ramadan	40
Ramadan 2 / Catur Kehidupan	41
Jiwa Penguasa / Jiwa Penguasa II	42
Ramadan 3 & 4 / Cocok	43
Ramadan 5 & 6 / Ibu Tua	44
Waadat (Perjanjian) / Kusut	45
Hati-Hati Lah / Mengenang Christchurch 15 Mac 2019	46
Dosa Petang Langit Ramadan / Berdikari dalam Sepi	47
Termenung	48

MANUSIA DAN KEMANUSIAAN

“Bahasa Memindah Nilai”	50
Kemanusiaan	51
K.B.A.T	52
UPSR	53

Kasta	54
Srikandi Sepi (Tun Teja)	56
Logamaya	57
Teleku / Rapuh Jiwa II	58
Dari Gedung (Ilmu) Jadi Kilang (Orang)	59
Al-Azhar	60
Pesan Abah	61
Errrr.....Abah Di Mana?!	62
Puyu yang Poyo!!	63
Aisyah, Adibah dan Aminah / Jiwa Kecil	64
“Bersin Tua”	66
Pengharap Syurga	67
Gunung Harapan	68
Selembur Kain Putih	69
Pergi Tak Kembali	70
Kematian	71
Kawan?	72
Pohon	73
Lembaran	74
Tutur	75
Neraca	77
Oportunis	78
Belakang Punya Cerita	79
Sombong	80
“Dedikasi Untuk Abang Hamid” (Komando – Pemandu – Orang Pencen)	81
Tadi, Lalu, Kini	82
Kata Mereka Kata Aku	83
Tragedi Abang Botak	84
Kematian II	85
Cermin Nyai’e (1979)	86

Jam Dinding Tua (1960)	87
Semanis Janji	88
Topeng	89
Abah	90
Rumah Terbuka I	91
Rumah Terbuka II	92
Aisyah	93
Seloka Kuih Raya	94
Tragedi Pasir Gudang	96
Wak Lu!!	97
Damai Lah Nanti Tue.....	98

RUMPUNAN PANTUN

Rumpun Rangkap Jiwa	100
---------------------	-----

MENYUSURI GELAP MALAM

Fata morgana	110
Selamat Datang Malam	111
Separuh Hati, Sepenuh Hati	112
Bila Malam	113
Pergi	114
Ibu	115
Cemburu	116
Selirat	117
Nafsu Buta	118
Tentang Malam	119
Hujan I / Hujan II	121
Perjalanan Subuh / Bingung Subuh	122
Menjelang Subuh I / Menjelang Subuh II	123
Ramadan I	124
Bulan	125
Bila Hujan Turun	126

Hantu	127
Mesin Jahit Kaki	128
Kesedaran	129
Rayuan Pada Malam	130

PROLOG

Inilah percubaan pertama saya menulis puisi. Saya tidak pernah mendapat pendidikan formal dalam bidang sastera. Namun kenangan membaca karya hebat sewaktu kecil seperti Gurindam 12 (Raja Ali Haji), Misa Melayu (Raja Chulan), “Badai Semalam” (Khadijah Hashim), “Nasinya Tumpah” (Fatimah Busu), “Tulang-Tulang Berserakan” (Usman Awang) dan “Cerita Seorang Seniman” (Hashim Awang) telah memberi pengaruh besar kepada saya setelah dewasa. Terima kasih kepada Abah (Cikgu Jaes Adam) yang “membiarkan” saya membaca buku-buku miliknya suatu ketika dahulu dalam keadaan saya pun tidak begitu jelas apa yang dibaca. Apa yang pasti ia menimbulkan keterbiasaan dan minat terhadap dunia kesusasteraan. Malangnya kuntuman minat ini ditinggalkan berkubur di usia remaja dek mengejar cita dan kerjaya.

Hinggalah setelah saya meniti usia dewasa, ada bermacam-macam pemerhatian yang berakhir dengan persoalan. Ia membenam dalam fikiran dan sebahagiannya membejatkan akal serta mengundang penyelesaian tak kunjung sudah. Persoalan-persoalan yang saya gelarkan sebagai “fikah” atau “cabang” ini (maaf jika salah istilah) anehnya telah menjadi perdebatan indah dalam diri. Maka terhasillah pelbagai genre puisi (tidak pasti betul atau tidak) sebagai satu bentuk pernyataan fikiran, perasaan dan pengalaman saya berhadapan dengan soal-soal tersebut. Seseengahnya ditulis secara langsung bagi tujuan berkongsi dengan pembaca dan seseengahnya saya hasilkan secara metafora bagi memberi kesan mendalam pada diri sendiri.

Untuk itu saya mengharapkan terjadinya kedewasaan pada penciptaan puisi-puisi saya dan berterusan menemani kehidupan yang fana ini. Beberapa pemerhatian khususnya terhadap “agama” dan “kerohanian”

pastinya akan berubah sesuai dengan usia dan pengalaman mendatang. Saya mengharapkan pendirian yang benar di kemudian hari.

Seronoknya berpuisi apabila saya tidak perlu berkonflik dan berdebat dengan orang lain. Hanya saya dan diri sendiri dalam bentuk yang paling ikhlas. Puisi diharapkan mampu menyatakan pendirian saya secara terhormat dan mampu dikongsi (jika layak) idea dan keindahannya dengan rakan pembaca.

Akhir sekali, saya ingin menyusun 10 jari memohon maaf kepada “dunia puisi” andainya percubaan ini telah melanggar etika kepuisian serta “mengotorkan” seni penulisan puisi itu sendiri. Andai kata jika ada adi guru mahupun karyawan yang terbaca buku ini saya pohonkan teguran.

Ohh.....bagi meraikan himpunan puisi yang pertama ini, saya turut menjemput secara bersama -sama empat orang kenalan untuk menulis. Mereka datang dari pelbagai latar berbeza tetapi berkongsi minat dan kemahiran yang sama. Mereka ialah Sasya Zainal, Zamaail Rais Hasem, Mas Fawzi Mohd Ali dan Mohammad Kamil Abdullah.

KATA PENGANTAR

Estetika Dalam Karya Seorang Penyair

Rayuan Pada Malam karya Lutfan Jaes menampilkan kumpulan puisi beliau yang cenderung pada realiti kehidupan di siang hari. Keluh kesahnya dimulakan dengan kerisauan pada sikap obsesi meraikan pencapaian pelajar. Pada rangkap:

*“Pada meraikan kasta pelajar untuk terbang tinggi
Yang bebal dan tumpul otak di tinggal penuh sepi
Walaupun yang di jerit atas pentas adalah anak sendiri”*

sangat jelas realiti biasa pelajar cemerlang berasaskan peperiksaan di julang dalam sistem pendidikan, manakala pelajar yang lemah dibiarkan tanpa sebarang keraian. Kelihatan terang-terangan penciptaan kasta dalam membezakan antara dua darjat pencapaian. Perasaan ini merupakan rasa mendalam tanpa *bias* kerana yang turut menerima kesannya adalah anak Lutfan sendiri.

Selain aspek pendidikan terdapat kisah-kisah manusia yang boleh dilihat dari aspek perangai pada puisi “Cakap Tak Serupa Bikin”, “Adat Dunia”, “Terperangkap” dan lain-lain. Perkara agama turut menjadi keluh kesah beliau bila mana ia tergambar jelas pada beberapa puisi antaranya Si “Pemegang Wacana Tuhan”, “Bingung Lagi” dan “Ya Bagaimana”.

Keluh-kesah Lutfan seterusnya pada angka dan nombor. Ini kerana pada pendapat beliau, manusia sangat mengira dan berkira tentang apa sahaja. Hingga melakukan kebaikan pada Tuhannya juga di congak akan berapa banyak pahala dan berapa banyak dosa. Dari sisi positif ia dilihat sebagai pembakar semangat. Namun, amal pada Tuhan yang berkira-kira seperti budak kecil meminta upah kerana ringan tulang bukanlah sesuatu yang bersifat redha.

Terdapat juga segmen Rampaian Sajak yang merupakan bait-bait kecil rampaian kisah siang Lutfan. Rampaian kisah ini turut penuh dengan kritikan, harapan dan kenangan terhadap sesuatu dengan pelbagai tema. Beliau menjadi pencatat setia dari sekecil-kecil perkara seperti makanan, alat muzik sehinggalah dinding klinik yang diperhatikannya dengan kepelbagaian tema dan nada. Apa yang pasti, kebanyakan sajak Lutfan bernada sinis. Sindiran itu walaupun pada diri sendiri namun mampu dikongsi oleh para pembaca untuk dijadikan iktibar serta panduan mahupun persoalan yang memandu manusia. Terkadang-kadang beliau memulakan sajaknya dengan melankolik namun sebelum sempat berakhir, nada sinisnya tetap kedengaran.

Puisi Lutfan tidak terlalu bermetafora malah jelas mengungkap sesuatu maksud tanpa menggunakan “bak” atau “laksana”. Tetapi sesekali beliau turut bermain dengan simbol-simbol tertentu. Sajak “Secawan Teh Halia” misalnya menggunakan komponen yang ada pada secawan teh halia yang dihirupnya (nisbah) kepada sifat-sifat manusia. Ia boleh diperhatikan pada rangkap:

*.....Siapa mahu jadi “susu” di bawah dan memendam jiwa?
Siapa mahu jadi “halia” di tengah dan penghasil rasa?
Siapa mahu jadi “teh” di atas dan memegang kuasa?
Siapa mahu jadi “sudu” di antara dan menggelojak semua?”*

Tema “Manusia dan Kemanusiaan” paling tidak ketinggalan untuk disentuh oleh Lutfan dengan mengekalkan nada sinis yang terang dan jujur. Ia bermula dengan sinisme terhadap peri pentingnya bahasa yang menjadi asas kepada nilai manusia. Nada sinis pada rangkap akhir “Bahasa Memindah Nilai” sangat terkesan iaitu:

*“...Lalu letaknya duduk kita di mana?
Kerana bangsa yang meninggalkan bahasa
Adalah kemandulan yang menunggu tua”*

Membaca puisi Lutfan tentang manusia dan kemanusiaan akan tergambar banyak perkara dan rasa tidak puas hati serta amarahnya seperti luahan pada puisi “Kemanusiaan”, “KBAT”, “UPSR”, “Kasta” dan lain-lain. “Teleku” pula misalnya menggambarkan kerimasan dan

rasa bungkam beliau seperti tiadanya pilihan dalam kehidupan yang (dikira-kira) ditunjukkan kepada tempat kerjanya.

Latar belakang beliau sebagai pendidik juga turut terserlah pada puisi yang berbentuk nasihat dan harapan. Ia diterjemahkan pada “Tun Teja”, “Loga Maya”, “Pesan Abah” dan “Selemba Kain Putih”. Banyak juga kisah bernada acah-acah melankolik serta perlu dibaca satu persatu-persatu dengan hati-hati serta dengan tahap yang berbeza-beza. Ini penuh pencarian tentang sifat manusia yang ingin membentuk kemanusiaan. Antara yang mendapat perhatian Lutfan ialah sikap oportunist yang sering diperhatikannya. Lalu karya “Oportunist” membawa persoalan benci namun cemburu pada dirinya. Kejayaan Sang Oportunist menjadikan beliau mahu menjadi oportunist. Tetapi sangat menarik rangkapnya ditutup dengan ketidakserasiannya menjadi oportunist. Bait ... *“Kekallah dengan kebodohan anti oportunist!!!”* adalah satu paradoks positif yang kelihatan negatif. Satu “kebodohan” yang mulia kerana tidak menjadi oportunist.

Akhirnya Lutfan “lelah” sendiri dengan kehidupan siang. Nada merayu-rayu pada waktu malam kedengaran pada karya tulis beliau kemudiannya. Catatan-catatan yang merimaskan pada siang hari telah menjadikan malam sebagai tempoh bertenang. Hanya di malam hari lah tempat beliau mengadu dan beradu. Namun, “Rayuan Pada Malam” adalah manifestasi sebuah rayuan palsu untuk kejadian siang hari yang akhirnya tetap perlu ditempuhi untuk sekian kali.

Susunan yang sangat menarik pada sebuah kumpulan puisi walaupun ada diselitkan rancangan pantun sebagai halwa dalam kumpulan puisi ini.

Kata Pengantar ini hanya sekadar pembuka selera di awal catatan Lutfan. Kesedapan perlu dirasai dengan menelan bait-bait karya tulis kumpulan puisi Lutfan Jaes ini.

Sekian, terima kasih.

Dr. Adi Syahid Mohd Ali

CATATAN KOMENTAR

BAHAGIAN GUNDAH GULANA

1. Dari aspek estetika bunyinya, ada beberapa puisi yang bermain pada rima bunyi seperti “Trauma Melampau!! (Bila Hati {ku} Telah Hitam)”. Manakala dalam puisi “Cakap Tak Serupa Bikin” terdapat pengulangan kata yang menimbulkan irama pada setiap rangkapnya.

Kau kata lelaki ini pembunuh!

Bila anak “lapar” kau singgah restorannya di Sungai Buloh.

Kau kata lelaki ini pembunuh!

Bila isteri “haus” kau duduk café nya hingga bersimpuh.

Kau kata lelaki ini pembunuh!

Bila “merokok” nikmat tembakaunya yang kau cucuh.

2. Pada bahagian ini, puisi-puisi penulis lebih mengungkap banyak tentang kehidupan daripada perspektif sendiri. Penulis mencampurkan baurkan pengalaman hidupnya dalam beberapa sudut seperti politik, agama, ketuhanan serta persekitarannya. Kehidupan yang bersekitar dalam hal akademik tidak lari dari mengkritik tentang kewujudan rating, kasta serta darjat antara yang bijak dan kurang bijak. Pemisah-pemisah ini dibuat melalui penciptaan anugerah-anugerah yang menjauhkan lagi golongan yang tidak mendapat anugerah. Apatah lagi masyarakat yang gemar meremehkan para pelajar atau anak-anak yang kurang dalam dunia akademik. Ini dapat dirasakan dalam puisi “Nombor@Angka”, “Trauma Melampau!! (Bila Hati {ku} Telah Hitam).
3. Tema keagamaan dan ketuhanan amat banyak dikesan. Penulis mengkritik tentang manusia sekitar yang merasakan tinggi ilmu agamanya dengan menyusahkan perkara yang mudah, menghukum tanpa benar kesalahannya hingga membawa kepada

perasaan rasa serba salah masyarakat. Malah menuduh manusia lain sebagai sesat apabila tidak mengikuti mereka. Penulis melihat penunggang agama akhirnya menuju munafik demi tujuan dan faedah diri sendiri. Dalam “T.U.H.A.N.T.U” diksi yang digunakan agak kental dengan kata-kata yang bernadakan ketuhanan serta mengkritik golongan yang meletakkan dosa dan kesesatan pada manusia lain secara melulu. Kata “T.U.H.A.N” dan “H.A.N.T.U” menjadi sindiran kepada golongan ini yang tidak mahu mendalami dan memahami terlebih dahulu sebelum menghukum. Rasa ini turut ada dalam puisi “Bingung Lagi” yang dapat dikesani dalam kata-kata *seluruh dunia menunggang agama, bila mana penjelasan belum mampu dinukilkan*. Beberapa kali perasaan yang sama diekspresikan seperti dalam puisi “Si Pemegang Wacana Tuhan” betapa penulis merasakan golongan ini suka meletakkan hukum sesuka rasa hingga mewujudkan kekeliruan dan jika ditentang kalimah “neraka” menjadi ugutan.

*Aduh kamu ini pemegang wacana Tuhan!!
Bila dipersoalkan mukanya mula merah menyala
Sekonyol marah demi (kononnya) mempertahankan ajaran Nya
Tak pula berani kami tentang kerana takut masuk Neraka*

4. Namun ada nada mengharap dalam mengadap tuhannya, mengekspresikan rasa kesedaran dan kekhawatiran dirinya.

*Atas sejadah (terasa) hilang segala kosa kata
Kesedaran ini tidak datang dengan kesungguhan
Malah lebih kepada kesamaran
Adakah sekadar menakah persekitaran ku yang penat?*

Isi puisinya ini lebih berbentuk ekspresionisme yang menggambarkan sebuah renungan dirinya yang menyedari akan kesilapan dalam beribadat. Sekali gus memaparkan isi hatinya yang menyedari kelemahan sebagai seorang hamba kepada tuhannya menjadikan puisi ini berbentuk elegi. Adakala pertembungan antara cara hidup dan agama itu dilihat sebagai sebuah kekeliruan. Ia dapat dikesani dalam puisi “Agama Mu & Budaya Ku (Kita Saling Menolak)” yang mana

ilmu agama itu harus ditelusuri dengan nas dan pemikiran. Ketakwaan itu bukan dilihat pada fizikal luaran yang selama ini sudah menjadi cara dan panduan masyarakat sekeliling menilai ilmu seseorang manusia. Padahal keimanan bukan terletak pada pakaian dan bukan cukup sekadar membaca doa majlis seperti dalam puisi “Yang Bagaimana”.

BAHAGIAN RAMPAIAN SAJAK

1. Pada bahagian ini bentuk-bentuk puisi yang dihidangkan walaupun pendek-pendek berbentuk *hymne* namun mempunyai kualiti estetika dan menfokus pada bunyi, irama dan penggunaan diksi. Ada keindahan bunyi pada setiap bait-bait khususnya pada rima akhir yang boleh di kesani pada “Harapan”

*Kau didik anak mu sekolah tahfiz
Kalau-kalau neraka nya nipis*

*Kau hantar anak mu sekolah kebangsaan
Kalau-kalau ada nasib di masa depan*

*Kau titipkan anak mu sekolah cina
Kalau-kalau tak tertipu urusan dunia*

*Kau percaya anak mu sekolah internasional
Kalau-kalau cerah lagak profesional*

Pemadatan kata amat jelas dalam bahagian ini, ayat-ayat dan perkataan adalah dikhaskan dan memadatkan makna dalam setiap kata-katanya seperti puisi “Birokrasi” dan “Secawan Teh Halia”. Setiap ayat memberi simbol yang khas kepada golongan tertentu. Penulis lebih banyak mengungkap tentang perbezaan status yang dibuat manusia, tentang ketempangan sosial dalam hierarki yang menjurus kepada kritikan moral. Keegoan orang atasan yang menekan dan memonopoli orang bawahan dari pelbagai segi. Segala pendapat orang bawahan itu sering kali harus ditelan dan jika menyuarakan pendapat dan kata-kata harus mempunyai cara yang khusus agar tidak dituduh sebagai derhaka. Demikianlah orang bawahan yang digambarkan penulis hanya mampu

bermimpi dan berangan lantaran kesukaran dalam meniti kehidupan harian yang sudah lama mencengkam. Maka bermimpi dan berangan-angan adalah cara mengubati. Ia dapat dilihat pada puisi “Jiwa Penguasa”, “Jiwa Penguasa II” dan “Waadat (Perjanjian)”.

2. Isu kepincangan beragama dan kepercayaan sekali lagi menjadi titik fokus penulis dalam beberapa puisi di bahagian ini. Puisi menjadi medan menyampaikan ketidakpuasan hati penulis terhadap golongan munafik. Namun kali ini permainan akrobatik katanya lebih menggentarkan dan menyusuk;

*Manusia-manusia suci
Sering melindungi diri
Atas nama tuhan ciptaan sendiri*

*Akhirat yang diciptanya letak di hujung
Agar mudah berurus dengan orang yang dia berhitung*

dan kepercayaan itu lebih jelas dipersoalkan dalam “Hati-Hati Lah” dan “Sejak Dulu”. Larik-larik ayatnya secara terang-terangan menyindir sikap masyarakat yang suka menilai ketakwaan seseorang melalui fizikal yang akhirnya menyebabkan penganut-penganutnya bercakaran dalam kepercayaan. Dalam hal ini penulis menyifatkan manusia sekeliling tanpa sedar adalah penunggang agama. Ada beberapa hal cara hidup kita yang tidak kita fokuskan merupakan keingkaran pada ajaran agama. Penulis menggambarkan manusia hanya mengejar sesuatu ibadah yang difokuskan sahaja namun kecikiran dalam ibadah dan amalan yang lain seperti tidak menjaga akhlak yang baik. Ia dapat dikesan melalui “Harapan Ramadan”, “Ramadan 2”, “Ramadan 3&4” dan “Dosa Petang Langit Ramadan”.

Sekian

Prof. Madya Dr Andika Aziz Hussin



GUNDAH GULANA

Rayuan Pada Malam

*Aku ingin menjadi bukit
Disalak anjing langsung tak terjingkit
Terpacak kaku tak berani dicuit*

*Aku ingin menjadi penonton
Memaki pemain berbaju sedondon
Letih berdiri bersidai di pohon*

*Aku ingin sepanas lahar
Dijauhi orang meleleh mengelebar
Panas mendidih memekat suar*

*Takut ku pada realiti
Masih tak lekang dari sisi*

*Rayuan ku pada malam
Agar segera menimbulkan balam*

*Hadirkan lah perasaan redha yang palsu
Walaupun esok hakikat terus memburu*

Letihnya minda dan perasaan ku wahai Tuhan.....

1 Julai 2019



Sila imbas kod untuk
maklumat lanjut

